

23 MAR 1997

Samy - Jambatan

TAMBAK JOHOR AKAN DIGANTIKAN DENGAN JAMBATAN

PASIR GUDANG, 23 Mac (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan pembinaan sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor sebagai satu lagi laluan pintu masuk ke republik Singapura, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Velly, hari ini.

Laluan yang menghubungkan Tangjung Kupang di Johor dan Tuas di Singapura kini dalam peringkat akhir pembinaan dan dijangka siap akhir tahun ini.

"Pembinaan jambatan baru itu akan dilakukan oleh pihak swasta dan ianya akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang moden," Kata Samy kepada pemberita selepas merasmikan seminar dan pemeran pendidikan anjuran MIC bahagian Tebrau, di sini.

Menurut Samy, pembinaan jambatan baru ini juga akan membolehkan bot dan kapal bergerak dengan bebas sementara laluan air tidak akan tersekat seperti yang berlaku di Tambak Johor kini.

"Pemandu akan turut dihiburkan dengan muzik di sepanjang jambatan itu kerana kita mahu pemandu memandu dalam keadaan gembira," katanya.

Beliau berkata perbincangan di peringkat teknikal dan kewangan sedang dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kementeriananya dengan konsortium yang terlibat dengan pembinaan projek itu.

Cadangan untuk menggantikan Tambak Johor dengan sebuah jambatan telah diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ketika mengadakan lawatan rasmi ke negeri ini pada 5 Julai lalu, kerana Johor merupakan pintu masuk yang penting kepada pelawat dari selatan tanah air.

Tambak Johor sepanjang 1.2km yang dibina pada tahun 1923, kini merupakan satu-satunya laluan yang menghubungkan Singapura dengan Malaysia. Kira-kira 100,000 orang menyeberangi tambak itu setiap hari.

Terdahulu dalam ucapan perasmiannya, Samy yang juga presiden MIC menegaskan pentingnya pendidikan di peringkat menengah untuk menjamin masa depan dan kejayaan seseorang pelajar.

"Oleh itu MIC kebangsaan telah menjalankan beberapa projek pemulihan pendidikan (Edurec) di beberapa kawasan bertujuan untuk membimbing dan memberi motivasi kepada para pelajar," katanya.

Menurutnya, program yang dimulakan di tiga kawasan di Perak (Sungai Siput, Kuala Kangsar dan Taiping) itu memberi kesan yang baik di samping dapat mengurangkan masalah sosial remaja dan program itu akan diperluaskan ke negeri-negeri lain secara berperingkat.

--BERNAMA

RAM WAT